

TESIS  
(Thesis)

**KAJIAN PEMBANGUNAN FELDA :**  
**Pencapaian FELDA Dalam Meningkatkan Taraf Sosio Ekonomi**  
**Peneroka-peneroka Di Skim Rancangan FELDA.**

Oleh:

**AHMAD SHARIFUDDIN BIN ABDUL GHANI**

Kajian Akhir Ini Disediakan Adalah Memenuhi  
Sebahagian Keperluan Untuk Penganugerahan

**DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH**

*Salinan Rujukan & Perkhidmatan Pembaca*  
**Perpustakaan Tun Abdul Razak**  
**Institut Teknologi MARA**  
**40450 Shah Alam**  
**Selangor Darul Ehsan**

Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Kajian Senibena Perancangan Dan Ukur  
Institut Teknologi MARA 40450  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Oktober 1992

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN



PP00002519

# **INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

\_\_\_\_\_ 199

*Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan oleh :*

*bertajuk :*

*diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah*

*Diluluskan :*

*Panel Penilai :*

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

*Penyelia :*

\_\_\_\_\_  
( )

## PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya maka saya dapat menyiapkan Kajian Akhir ini dengan jayanya. Tidak ketinggalan juga setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Penyelia Kajian Akhir ini iaitu Puan Salehaton Bt. Haji Hussein Szally kerana dengan panduan, nasihat serta pandangan yang bernas dari beliau telah mendorong saya untuk menghasilkan satu kajian yang agak lengkap.

Tanpa bantuan beliau kemungkinan besar Kajian akhir ini tidak dapat mencapai tahap sebagaimana yang diperlukan untuk syarat penganugerahan

## DIPLOMA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kedua ibubapa saya yang tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan saya di dalam pelajaran, adik lelaki saya Roslan, yang sentiasa memberi dorongan kepada saya serta orang perseorangan yang banyak membantu di dalam penyediaan Kajian akhir ini samada secara langsung atau tidak.

Sekian Terima Kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## ABSTRAK

Fenomena yang dihadapi oleh para peneroka FELDA akhir-akhir ini adalah berhubung dengan struktur pendapatan mereka. Hal ini amat ketara melanda golongan peneroka bukan sahaja di peringkat negeri malah meliputi peneroka di seluruh negara.

Seterusnya menjejaskan pola dan taraf sosio ekonomi mereka. FELDA yang dipertanggungjawabkan dalam menangani permasalahan ini mula mengakui hakikat bahawa taraf sosio ekonomi peneroka masih berbeza berbanding sebagaimana yang mereka kecapai pada ketika awal 1980an lalu. Adakah FELDA telah gagal dan kian tidak berupaya mengatasi masalah tersebut ?

Kerap kali tersiar di media massa akan bentuk keluhan, tidak puashati, kesusahan dan kesengsaraan bagi golongan peneroka yang masih lagi terperangkap dengan masalah pendapatan yang kian tidak stabil, sedangkan kos kehidupan kian meningkat. Hal ini jelas membebankan kehidupan mereka.

Dan jika benar dakwaan tersebut, adalah wajar dan perlu FELDA mengambil iktibar dan daya usaha yang lebih positif kearah memperbaiki sosio ekonomi peneroka agar objektif FELDA tetap akan tercapai sebagaimana yang telah FELDA gariskan di dalam dasar-dasar mereka.

Melalui kajian ini adalah diharapkan FELDA dapat mengambil satu pendekatan baru yang lebih berkesan dan padu bagi menjamin objektif FELDA dan kerajaan untuk membasmi kemiskinan dalam konteks yang lebih bersungguh-sungguh seterusnya masalah ketidakseimbangan sosio ekonomi peneroka FELDA di skim-skim rancangan dapat diatasi segera.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN  
ABSTRAK  
ISI KANDUNGAN  
SENARAI JADUAL  
SENARAI RAJAH  
SENARAI GAMBARFOTO

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1.0	Pengenalan	1
1.2.0	Kenyataan Masalah	2
1.3.0	Kepentingan Kajian	5
	1.3.1 Pihak Kerajaan	
	1.3.2 Pihak Pengurusan FELDA	
	1.3.3 Peneroka FELDA	
1.4.0	Hipotesis Am	6
1.5.0	Hipotesis Kerja	
1.6.0	Matlamat Kajian	
1.7.0	Objektif Kajian	
1.8.0	Skop Kajian	7
1.9.0	Pendekatan Kajian	8
	1.9.1 Kajian Awalan	
	1.9.2 Kajian Kes Di Tapak	
	1.9.3 Analisis DAN Sintesis	
	1.9.4 Cadangan dan Kesimpulan	
1.10.0	Batasan Kajian	12

### BAB 2 : LATARBELAKANG LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN [ FELDA ]

2.1.0	Pengenalan	14
2.2.0	Definisi Rancangan FELDA	15
2.3.0	Sejarah Penubuhan FELDA	
2.4.0	Objektif Dan Fungsi FELDA	21
2.5.0	Struktur Organisasi FELDA	23
2.6.0	Strategi Dan Peranan FELDA Di Dalam Konteks Wilayah	26
	2.6.1 Peranan FELDA Dalam Memajukan Wilayah	26
	2.6.2 Menyeimbangkan Pola Taburan Penduduk	27
2.7.0	Peranan FELDA Dalam Pembangunan Sosial	28
2.8.0	Peranan FELDA Dalam Pembangunan Ekonomi	30
2.9.0	Taburan Skim FELDA Di Malaysia	